

(2006 – 2011 dan telah dilanjutkan perkhidmatan sehingga 2016)

dilantik oleh DYMM Raja Surakarta Hadiningrat bagi tempoh 5 tahun yang akan tamat pada Jun 2016. Perlantikan Setiausaha Sulit Raja Surakarta di Negara Malaysia berkuat-kuasa pada 2 Jun 2011.

Karaton Surakarta Hadiningrat yang terletak di Surakarta, Solo, Indonesia dikenali sebagai Karaton atau Istana yang tertua di Kepulauan Jawa yang. Kewujudan perlantikan wakil daripada Karaton Surakarta Hadiningrat adalah bermula semenjak tahun 1999.

Pada ketika itu, Karaton Surakarta dibawah Seri Paduka Yang Mulia Raja Surakarta Sinuwon Paku Buwono XII telah melantik YBhg. Dato' Seri Dr. Basiron sebagai Duta Besar Kebudayaan untuk Negara Malaysia dan berpusat di Johor. Selepas beliau meninggal dunia tugas ini dipikul oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Rosli Che Wan yang berpusat di Kuala Lumpur dan beliau telah mengendalikan segala urusan dan menyandang jawatan Duta Besar Kebudayaan di Malaysia, oleh kerana kerja-kerja pentadbiran Karaton Surakarta terlalu banyak maka pihak pentadbiran Istana Surakarta telah menetapkan jawatan yang baru kepada YBhg. Dato' Seri Dr. Rosli Che Wan dan mengangkat darjahnya kepada YBhg. Dato' Seri Amar DiRaja Dr. Rosli Che Wan dan diberi jawatan yang baru sebagai Utusan Paku Buwono XIII atau Wakil Khas kepada Sinuwon Paku Buwono XIII di Malaysia manakala dalam tempoh yang sama juga Sri Susuhunan Sinuwon Paku Buwono telah berkenan untuk melantik dua lagi pembantu yang bertempat di Negara Malaysia iaitu Setiausaha Sulit Kanan kepada Raja Surakarta dan juga Setiausaha Sulit Khas kepada Raja Surakarta yang mengendalikan kerja dan tugas agak berbeza, Setiausaha Sulit Kanan di sandang oleh YBhg. Dato' Sri Paduka Raja Mau Yon Seong manakala Setiausaha Sulit Khas disandang oleh YBhg. Dato' Sri Setia Raja Dr. Alex Ong masing-masing mendapat Darjah Kerabat Sri Kabyo oleh Sri Susuhunan Paku Buwono XIII.

Titah Inggang Sinuwon Kanjeng Susuhunan Paku Buwono XIII

1. bahwa dalam rangka menundak janjuti tugas-tugas dari Karaton Surakarta Hadiningrat dalam memajukan dan mengembangkan serta melestarikan budaya Jawa dalam pergaulan Dunia Internasional.
2. Serta memperhatikan Mukadimah Undang-undang Dasar 1945 Republik Indonesia menyatakan “dan untuk memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, dan ikut melaksanakan ketertiban dunia dan berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial”

Titah yang ditetapkan oleh baginda Sri Susuhunan Paku Buwono XIII

YBhg. Dato' Sri Paduka Raja, Dato' Seri Mau Yon Seong

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Raja Surakarta Hadiningrat.

Tugas : –

Dipandang perlu mengangkat Yang Berbahagia Dato' Sri Paduka Raja Mau Yon Seong, DKSK (Surakarta), DKRA, DKRT, sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Sri Susuhunan Karaton Surakarta hadiningrat, I.S.K.S Paku Buwono XIII untuk Negara Malaysia dengan tugas khusus menangani urusan kerjasama dalam Bidang- bidang Perancangan Keuangan, Kebudayaan, Kesenian, Pariwisata (Pelancongan) dan Perdagangan

Titah yang ditetapkan oleh baginda Sri Susuhunan Paku Buwono XIII

YBhg. Dato' Sri Setia Raja Dr. Alex Ong Yeok Leng

Setiausaha Sulit Khas Kepada Raja Surakarta Hadiningrat.

Tugas : –

Dipandang perlu mengangkat Yang Berbahagia Dato' Sri Setia Raja Dr. Ong Yeok Leng, DKSK (Surakarta), DKRT, sebagai Setiausaha Sulit Khas kepada Sri

Susuhunan Karaton Surakarta hadiningrat, I.S.K.S Paku Buwono XIII untuk Negara Malaysia dengan tugas khusus menangani urusan kerjasama dalam Bidang- bidang Khas dengan DYMM Raja-Raja Melayu, Pembesar Negara dan Negeri dalam bidang Kebudayaan, Kesenian, Pariwisata (Pelancongan) dan Perdagangan.

YBhg. Dato' Sri Paduka Raja,
Dato' Seri Mau Yon Seong
Setiausaha Sulit Kanan Kepada Raja Surakarta

Tugas yang ditetapkan : –

Perancangan Keuangan, Kebudayaan, Kesenian, Pariwisata (Pelancongan) dan Perdagangan

Huraian Bidang Tugas : –

Perancangan Keuangan – Setiausaha Sulit Kanan kepada Raja Surakarta haruslah merancang segala perbelanjaan untuk Karaton Surakarta tetutamanya untuk Hari Naik Tahta Raja Surakarta, selain daripada merancang, beliau hendaklah mencari dana untuk membantu Karaton Surakarta dalam menaik tarafkan beberapa kawasan dalam Karaton, membantu orang miskin disekitar Karaton, membantu abdi dalem yang berkhidmat secara sukarela di Karaton, membantu menambahkan tabung lembaga Karaton dan membantu Sri Susuhunan untuk mendapatkan dana bagi mengendalikan even-even budaya Jawa di Karaton Surakarta Hadiningrat dan mendapatkan Dana untuk mengendalikan segala perbelanjaan semasa Raja Surakarta berkunjung ke Malaysia, segala alaun-alaun perjalanan dan juga penginapan serta perbelanjaan pesawat ke Karaton dua hala juga dikendalikan oleh beliau dan segala yang berkaitan dengan keuwanan untuk kebaikkkan Karaton Surakarta.

Bidang Kebudayaan – Mengendalikan segala urusan kebudayaan yang berkaitan dengan Karaton Surakarta dan boleh membuat jemputan kepada mana-mana pihak yang berkaitan dengan Majlis atau menjemput mana-mana masyarakat untuk menghadirinya tanpa mengira kaum dan warna kulit kerana ini adalah kebudayaan dan tidak ada kaitannya dengan Agama dan sebaliknya.

Bidang Kesenian – Bidang ini didefinisikan sebagai suatu perkara yang ditinggalkan oleh pembesar dan hulubalang dari Karaton Surakarta semenjak kelahiran Paku Buwono yang pertama dan boleh diguna pakai serta harus diperluaskan agar perkara dan kesenian ini boleh di popularkan di peringkat dunia dan agar ianya dapat di sebarkan supaya boleh melengkapkan lagi pengetahuan diri masing-masing diserata dunia dalam bidang kesenian ini.

Bidang Pelancongan – Parawisata atau lebih dikenali sebagai bidang pelancongan ini adalah untuk mewujudkan hubungan dua hala yang mana pihak Karaton sendiri mempunyai tempat untuk melancong dan untuk mengetahui secara dekat lagi tentang sejarah Paku Buwana dan juga Karaton Surakarta Hadiningrat yang terdapat di Muzium Karaton yang dibuka pada hari yang telah ditetapkan selain daripada itu, mengendalikan keberangkatan Raja Surakarta ke Malaysia termasuk mengendalikan pertemuan silaturahmi bersama DYMM Sultan dan Raja di Negara Malaysia.

Bidang Perdagangan – Bidang ini adalah lebih kepada peluang perniagaan yang ada di Karaton Surakarta dan juga di Surakarta yang mana terdapat 6.9 Juta penduduk di Kota Surakarta sahaja yang juga terdiri daripada warga Berada , Sederhana dan Miskin, walaubagaimana pun di Karaton sendiri yang mempunyai keluasan sebanyak 54 hektar tanah yang boleh menghasilkan pelbagai peluang perniagaan termasuk bidang ekoni untuk memajukan Muzium dan pelbagai tempat lagi dalam Karaton demi kebaikan bersama dan juga untuk menarik serta sebagai simbol kepada Pelancong asing.

YBhg. Dato' Sri Setia Raja,
Dato' Seri Dr. Alex Ong
Setiausaha Sulit Khas Kepada Raja Surakarta
Tugas yang ditetapkan : –

Bidang- bidang Khas dengan DYMM Raja-Raja Melayu, Pembesar Negara dan Negeri dalam bidang Kebudayaan, Kesenian, Pariwisata (Pelancongan) dan Perdagangan.

Huraian Bidang Tugas : –

Bidang Khas dengan DYMM Raja-Raja Melayu – Mengadap dan persembahkan segala urusan rasmi Raja Surakarta dengan Raja-Raja Melayu di Negara Malaysia, memperkenalkan diri kepada Raja-Raja Melayu bagi menjalinkan hubungan dua hala antara Karaton Surakarta dan juga Istana Raja-Raja Melayu di Negara Malaysia, urusan yang di jalinkan tidak ada hubung kait dengan politik dan juga diplomatik, ianya khusus kepada bidang urusan silaturahmi antara Raja mahu pun antara Setiausaha Sulit DiRaja.

Bidang Khas dengan Pembesar Negara dan Negeri – Berurusan secara rasmi dengan adanya titah rasmi dari Raja Surakarta termasuk dengan urusan dengan Bapak Duta Besar Indonesia di Negara Malaysia, menjalinkan hubungan silaturahmi yang tiada kaitan dengan politik dan diplomatik.

Bidang Kebudayaan – Mengendalikan segala urusan kebudayaan yang berkaitan dengan Karaton Surakarta dan boleh membuat jemputan kepada mana-mana pihak yang berkaitan dengan Majlis atau menjemput mana-mana masyarakat untuk menghadirinya tanpa mengira kaum dan warna kulit kerana ini adalah kebudayaan dan tidak ada kaitannya dengan Agama dan sebaliknya.

Bidang Kesenian – Bidang ini didefinisikan sebagai suatu perkara yang ditinggalkan oleh pembesar dan hulubalang dari Karaton Surakarta semenjak kelahiran Paku Buwono yang pertama dan boleh diguna pakai serta harus diperluaskan agar perkara

dan kesenian ini boleh di popularkan di peringkat dunia dan agar ianya dapat di sebarkan supaya boleh melengkapkan lagi pengetahuan diri masing-masing diserata dunia dalam bidang kesenian ini.

Bidang Pelancongan – Parawisata atau lebih dikenali sebagai bidang pelancongan ini adalah untuk mewujudkan hubungan dua hala yang mana pihak Karaton sendiri mempunyai tempat untuk melancong dan untuk mengetahui secara dekat lagi tentang sejarah Paku Buwana dan juga Karaton Surakarta Hadiningrat yang terdapat di Muzium Karaton yang dibuka pada hari yang telah ditetapkan selain daripada itu, mengendalikan keberangkatan Raja Surakarta ke Malaysia termasuk mengendalikan pertemuan silaturahmi bersama DYMM Sultan dan Raja di Negara Malaysia.

Bidang Perdagangan – Bidang ini adalah lebih kepada peluang perniagaan yang ada di Karaton Surakarta dan juga di Surakarta yang mana terdapat 6.9 Juta penduduk di Kota Surakarta sahaja yang juga terdiri daripada warga Berada , Sederhana dan Miskin, walaubagaimana pun di Karaton sendiri yang mempunyai keluasan sebanyak 54 hektar tanah yang boleh menghasilkan pelbagai peluang perniagaan termasuk bidang ekoni untuk memajukan Muzium dan pelbagai tempat lagi dalam Karaton demi kebaikan bersama dan juga untuk menarik serta sebagai simbol kepada Pelancong asing.